

Newspaper	AMANAHAH
Date	20 NOVEMBER 2016

Bersatu akan sertai Pakatan Harapan, kata Tun M

Amanah - 20/11/2016

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa gembira menyertai Konvensyen Pakatan Harapan hari ini dan berjanji parti beliau akan menjadi sebahagian dari Pakatan Harapan tidak lama lagi.

"Saya sangat gembira dapat hadir dalam perjumpaan ini. Tidak lama lagi Bersatu akan jadi sebahagian daripada PH," kata Tun Mahathir dalam Konvensyen Pertama Pakatan Harapan di Shah Alam 12 November lalu.

Beliau berjanji akan menyelesaikan isu berkaitan menandatangani dokumen Pakatan Harapan sebagaimana yang sepatutnya berlangsung di konvensyen itu.

Beliau berkata, tiada apa yang tidak dipersetujui dalam draf pendirian bersama Pakatan Harapan.

"Hari ini jelas kita bersatu. Baju

oren ada, biru ada, merah pun ada. Saya berdoa kita berpegang kepada pendirian tegas terhadap keperluan menyingkirkan (Datuk Seri) Najib (Razak).

"Percayalah saya akan selesaikan sedikit sebanyak masalah isu menandatangani dokumen Pakatan Harapan," katanya ketika berucap.

Sebelum itu, The Star melaporkan PPBM dijangka menandatangani perjanjian bersama Pakatan, tetapi rancangan itu dibatalkan selepas Presidennya Tan Sri Muhyiddin Yassin didakwa berkata untuk menimbangakan perkara itu dahulu.

Mahathir mengulangi gesaan agar Pakatan Harapan bertanding sebagai satu parti.

"Kita perlu guna satu logo hilangkan identiti parti masing-masing untuk pilihan raya sahajalah, pakai satu simbol," katanya.



DUDUK BERSAMA... Pemimpin PKR, DAP, AMANAH dan PPBM duduk bersama-sama dalam Konvensyen Pakatan Harapan lambang kesatuan antara mereka.